



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

**SISTEM PERMOHONAN DAN BAYARAN  
PENGKEBUMIAN SERTA CARIAN PLOT  
SECARA DALAM TALIAN**

# **iPUSARA**

<https://ipusara.mbsa.gov.my>




**MAJLIS PERSADA INOVASI PERINGKAT  
NEGERI SELANGOR**

No : 

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN  
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

| LATAR BELAKANG KUMPULAN                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nama Kumpulan                                                                                                                                                                                                                                                                     | JASMINE                                                                                                                                                                                                     |
| Nama Organisasi                                                                                                                                                                                                                                                                   | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM                                                                                                                                                                                  |
| Alamat                                                                                                                                                                                                                                                                            | TINGKAT 16, WISMA MBSA, PERSIARAN PERBANDARAN,<br>40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN                                                                                                                     |
| No Telefon & Faks                                                                                                                                                                                                                                                                 | 03-55105133                                                                                                                                                                                                 |
| E - Mel                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                             |
| Tarikh kumpulan ditubuhkan                                                                                                                                                                                                                                                        | 15 MEI 2023                                                                                                                                                                                                 |
| Bilangan ahli                                                                                                                                                                                                                                                                     | 9 ORANG                                                                                                                                                                                                     |
| Nama Ketua Kumpulan                                                                                                                                                                                                                                                               | Ts. KHAIRULIZAM BIN LAILI                                                                                                                                                                                   |
| Nama Ahli                                                                                                                                                                                                                                                                         | 1. NOORULHIDAYAH BINTI YEOP<br>2. SITI ZULAIHA BINTI SALEH<br>3. KHAIRUL ANUWAR BIN ABD KADIR<br>4. SAHRUL AZRI BIN SARNI<br>5. MD. AZIZI BIN AMIN<br>6. YUSRI BIN AB. MALEK<br>7. CHE ISKANDAR BIN CHE SOH |
| Nama Fasilitator                                                                                                                                                                                                                                                                  | PN. WAN SURAYA BINTI SAHABALUDDIN                                                                                                                                                                           |
| Nama projek                                                                                                                                                                                                                                                                       | IPUSARA                                                                                                                                                                                                     |
| Bidang inovasi                                                                                                                                                                                                                                                                    | SOSIAL                                                                                                                                                                                                      |
| Kategori inovasi                                                                                                                                                                                                                                                                  | PENAMBAHBAIKAN                                                                                                                                                                                              |
| Tarikh mula projek                                                                                                                                                                                                                                                                | 15 MEI 2023                                                                                                                                                                                                 |
| Tarikh siap projek                                                                                                                                                                                                                                                                | 30 APRIL 2024                                                                                                                                                                                               |
| PENGESAHAN KETUA JABATAN                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                             |
| <b>Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :</b><br><br>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada.....<br><br>ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada ..... |                                                                                                                                                                                                             |

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| <b>Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Cop Jabatan / Agensi</b> |
| <div style="text-align: center;">  </div>                                                                                                                                                                                                                                                              |                             |
| <b>Tarikh :</b> ..... 25.4.2025 .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                             |
| <b>PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                             |
| <p><b>Pengesahan</b><br/> <b>Panel :</b><br/>           Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.</p> <p><b>Tandatangan Panel Penilai</b></p> <p>.....</p> <p><b>Nama :</b><br/> <b>No. Kad Pengenalan:</b><br/> <b>Jawatan/Gred:</b><br/> <b>Jabatan/Agensi:</b><br/> <b>No.Siri:</b><br/> <b>Tarikh:</b></p> |                             |



## SEKAPUR SIRIH

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kumpulan KIK Jasmine yang akan mewakili MBSA dalam Majlis Persada Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2025. Kumpulan ini telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan komitmen yang luar biasa dalam menghasilkan inovasi yang tidak hanya memberi manfaat kepada MBSA, tetapi juga kepada komuniti setempat.



Saya ingin memberi pujian khususnya kepada Kumpulan KIK Jasmine atas pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan inovasi *IPUSARA*, satu inisiatif yang sangat relevan dan memberi impak positif kepada sistem penyampaian perkhidmatan. Inovasi ini menunjukkan tahap kecemerlangan yang luar biasa dan pastinya memberi inspirasi kepada semua pihak untuk terus berusaha dalam memperkenalkan idea-idea baru yang lebih kreatif dan berkesan.

Syabas diucapkan kepada Kumpulan KIK Jasmine atas dedikasi dan usaha keras mereka. Saya berharap pencapaian ini akan terus diteruskan dan memberikan inspirasi kepada seluruh warga MBSA dan organisasi lain di negeri Selangor. Semoga kejayaan ini akan membawa kejayaan yang lebih besar di peringkat negeri dan seterusnya.



**Dato' Mohd Fauzi Bin Mohd Yatim**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Shah Alam

## ISI KANDUNGAN

| BIL | TAJUK                                                                | M/S   |
|-----|----------------------------------------------------------------------|-------|
| 1.  | <b>BAHAGIAN 1: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN</b>                      |       |
| 2.  | • LATAR BELAKANG KUMPULAN                                            | 1     |
| 3.  | • KETERANGAN PROJEK                                                  | 2     |
| 4.  | • SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI                  | 2     |
| 5.  | <b>BAHAGIAN 2 : SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK</b>                      |       |
| 6.  | • KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN                                 | 3     |
| 7.  | • MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER) | 4     |
| 8.  | • MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER) | 5-6   |
| 9.  | • KAITAN DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL                         | 7     |
| 10. | • KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA                         | 7     |
| 11. | • PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS (BAGI TUJUAN PENYELESAIAN)             | 8     |
| 12. | • PENYATAAN SASARAN <i>OUTCOME</i> DAN IMPAK                         | 8     |
| 13. | <b>BAHAGIAN 3: TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN</b>              |       |
| 14. | • CADANGAN PENYELESAIAN                                              | 9-11  |
| 15. | • PELAKSANAAN INOVASI                                                | 12    |
| 16. | <b>BAHAGIAN 4: KEBERHASILAN PROJEK</b>                               |       |
| 17. | • KESAN JANGKA PENDEK                                                | 12-14 |
| 18. | • KESAN JANGKA PANJANG                                               | 15    |
| 19. | • BAHAGIAN 5: POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI                           |       |
| 20. | • TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES                         | 16    |
| 21. | • TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN (ROI) – PENYERAGAMAN          | 16    |
| 22. | <b>PENUTUP</b>                                                       | 17    |

## BAHAGIAN 1: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

### A. LATAR BELAKANG KUMPULAN

| MAKSUD LOGO CATATAN KUMPULAN  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Target                        | Menyelesaikan masalah pendaftaran dan pembayaran pengurusan pengebumian serta kesukaran membuat carian lot kubur oleh waris.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Jasmine                       | <p>Jasmine atau bunga melur dipilih sebagai nama kumpulan kerana ia adalah buga tema untuk tanah perkuburan MBSA.</p> <p><b>Melur, malur, meluh, maluh, melati, manuru, bunga gambir atau bunga pekan</b> ialah sejenis tumbuhan <u>renek</u> <u>berbunga</u> yang <u>menjalar</u> dalam genus <b><i>Jasminum</i></b><sup>[5]</sup> keluarga <u>Oleaceae</u>.<sup>[4][6][7]:193</sup> Genus ini mempunyai lebih 200 spesies<sup>[4][6]</sup> dan boleh didapati di kawasan-kawasan <u>tropika</u> dan <u>subtropika</u> <u>Eurasia</u>, <u>Afrika</u>, dan <u>Oceania</u>.<sup>[8]:194</sup> Tumbuhan ini hidup membesar dalam keadaan menjalar pada pokok-pokok lain atau pada sesuatu bahan yang ia boleh berpaut. (Rujuk lampiran 1)</p> <p>Sumber : <a href="https://ms.wikipedia.org/wiki/Melur">https://ms.wikipedia.org/wiki/Melur</a></p> |
| Bahagian / Unit yang terlibat | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat</li> <li>ii. Jabatan Kesihatan Persekitaran</li> <li>iii. Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam</li> <li>iv. Badan Dakwah MBSA</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |

Nama KUMPULAN : **JASMINE**

Nama Organisasi : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Alamat : Persiaran Perbandaran,  
Seksyen 14,  
Shah Alam

No.Telefon & Faks : 03-55105133

Emel : [korporat@mbsa.gov.my](mailto:korporat@mbsa.gov.my)

Tarikh Kumpulan ditubuhkan : 15 Mei 2023

Bilangan Ahli : 9 orang

Ahli Kumpulan : Fasilitator : Puan Wan Suraya Binti Sahabaludin  
– Ketua Seksyen Kualiti  
Ketua Kumpulan : Ts. Khairullizam Bin Laili

1. Noorulhidayah Binti Yeop
2. Siti Zulaiha Binti Saleh
3. Khairul Anuwar Bin Abd Kadir
4. Sahrul Azri Bin Sarni
5. Md. Azizi Bin Amin
6. Yusri Bin Ab. Malek
7. Che Iskandar Bin Che Soh

Bidang Inovasi : Sosial

Kategori Inovasi : Penambahbaikan

Tarikh Siap Projek : 25 April 2025

Nama Projek : **iPusara**



## KETERANGAN PROJEK

Aspek pengurusan kubur seringkali dipinggirkan dari fokus masyarakat. Keadaan ini menjadikan Majlis Bandaraya Shah Alam mengambil langkah proaktif untuk menambahbaik tadbir urus perkhidmatan pengkebumian dan kubur sejajar menjadikan Shah Alam bandayara lestari. Isu kesukaran waris untuk mencari lot kubur serta perubahan era 'cashless' mendorong idea perubahan proses kerja manual kepada sistem. Ia diperkukuh dengan penyediaan kod QR khas bagi memudahkan pengguna. Objektif projek ke arah mendidik warga Shah Alam menjadi warga celik IT serta pendigitalan maklumat simati melalui sistem khas **iPusara**. Objektif kedua adalah ke arah memudahkan bayaran atas talian ('online') dalam proses pengkebumian dan tempahan van jenazah. Ianya sangat bertepatan dengan pembangunan lestari dan teknologi hijau dalam sistem infrastruktur MBSA. Pada masa sama, proses inovasi ini telah mempermudah kakitangan yang terlibat di dalam menguruskan tadbirurus kubur. Idea inovasi ini bertujuan menggantikan buku log daftar kematian yang sebelum ini digunapakai untuk mendaftar dan mencari lot kubur. Keadaan ini menyebabkan wujud kesukaran membuat carian semula, disamping isu-isu lain seperti tulisan tidak jelas, tidak efektif, sukar, mengambil masa dan pelbagai masalah lain. Dampak dari penambahbaikan inovasi yang dilaksana telah memudahkan waris melancarkan proses pengkebumian jenazah. Kesimpulannya sistem **iPusara** ini diharapkan dapat diseragamkan di seluruh negara bagi membantu pihak pengurusan majlis meningkatkan tabdirurus kubur yang lebih baik untuk kemaslahatan umum.

### KESAN LATAR BELAKANG MASALAH:

| Pengguna                                                                             | Organisasi                                                                               | Pemegang Taruh                                                                | Negara                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|--------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Pentadir Kubur</li> <li>Orang Awam</li> </ul> |  MBSA | <ul style="list-style-type: none"> <li>JAIS</li> <li>Kariah Masjid</li> </ul> | Tidak dapat mencapai Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) untuk mewujudkan organisasi PBT yang berdaya maju dan cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan komuniti di samping mengekalkan kemampanan persekitaran, Jika Jabatan terjejas, Imej Negara akan turut terjejas. (Rujuk Lampiran 2). |

### B. SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI

Penubuhan Kumpulan : 15 MEI 2023  
 Permohonan kepada Pengurusan Tertinggi : 2 APRIL 2024  
 Kelulusan Pengurusan Tertinggi : 8 APRIL 2024



Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran (JKP) amat mengambil berat berkaitan dengan pengurusan tanah perkuburan yang dibawah seliaan jabatan. Sehubungan itu, satu kolaborasi kerjasama antara JKP dengan Badan Dakwah dan Jabatan Teknologi Maklumat dibentuk.

Kumpulan telah melaksanakan projek dengan menggunakan kaedah Design Thinking yang mengutamakan kepentingan dan kebajikan pelanggan. Ia melibatkan proses **Empati** (*Emphatise*), **Kenali Masalah** (*Define*), **Pembentukan Idea** (*Ideate*), **Prototaip** (*Prototype*), dan **Percubaan** (*Test*). (Rujuk Lampiran 3).

## BAHAGIAN 2 : SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

### A. KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN


Pemilihan projek iPusara MBSA adalah sangat signifikan dan selari dengan fungsi utama jabatan yang terlibat dalam pengurusan hal ehwal tanah perkuburan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan. Antara fungsi utama tersebut termasuklah:

- Menguruskan permohonan pengebumian dengan cekap dan sistematik;
- Menyediakan maklumat tanah perkuburan yang lengkap dan mudah dicapai;
- Memastikan penyelenggaraan kawasan perkuburan dilakukan secara berjadual dan berkesan;
- Memberi khidmat sokongan kepada waris si mati serta komuniti setempat berkaitan urusan pengebumian.

Projek iPusara MBSA ini juga berkait rapat dengan **Objektif Strategi Teras** Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021–2025, khususnya:

1. **Memperkasakan Perkhidmatan yang Efisien kepada Pelanggan**  
iPusara menyediakan platform digital yang mempercepat dan memudahkan urusan pengebumian serta carian lot kubur, sekali gus meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada masyarakat.
2. **Mengukuhkkan Tadbir Urus Bandar Raya yang Cemerlang**  
Pelaksanaan sistem berasaskan teknologi ini membantu MBSA dalam mempertingkatkan ketelusan dan integriti pengurusan maklumat tanah perkuburan.
3. **Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Penduduk**  
Pengurusan tanah perkuburan yang sistematik dan mudah diakses menyumbang kepada keharmonian dan ketenteraman masyarakat, khususnya waris si mati.

Halatuju kumpulan berpaksikan kepada Objektif Strategi Teras Pelan Perancangan Strategik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2021-2025 (**Rujuk Lampiran 4**). Bagi mencapai objektif pertama iaitu memperkasakan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan, Kumpulan Jasmine ditubuhkan bagi menambahbaik perkhidmatan yang efektif kepada pelanggan dengan mengambil kira pendapat dan pandangan warga Shah Alam dan pihak berkepentingan misalnya Jabatan Agama Islam dan Biro Khirat Kematian Masjid & surau di Shah Alam. Pandangan dan cadangan mereka ini amat bermanfaat bagi memastikan aspek pengurusan tanah perkuburan dapat dipertingkatkan seterusnya menjadikan Shah Alam terus gemilang. Oleh itu, usaha harus dipertingkatkan untuk memastikan Shah Alam terus menjadi sebuah bandar raya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul.




Pelaksanaan projek **iPusara** yang dihasilkan adalah amat bertepatan dengan Visi, Misi, Moto Dan Fungsi / Objektif MBSA iaitu : (**Rujuk Lampiran 5**).

**Slogan Piagam Pelanggan** : “MBSA Sentiasa Mengutamakan Pelanggan”

**Moto Piagam pelanggan** : “ Pelanggan Gembira Organisasi Bangga”

**Misi Piagam Pelanggan** : “Kami Komited Untuk Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang, “Efektif Dan Efisien”



Kumpulan juga telah menggunakan kaedah Design Thinking bermula dengan proses pemilihan tajuk projek sehingga inovasi **iPusara** dibangunkan, diujicuba dan dilaksanakan. Wakil masyarakat sebagai pelanggan tanah perkuburan telah dilibatkan dalam semua peringkat pelaksanaan projek ini.

**iPusara** : Sistem dibangunkan untuk memudahkan pelanggan membuat tempahan lot kubur, tempahan van jenazah, bayaran sehinggalah ke carian lot kubur.

Sebelum projek pelanggan perlu mengisi borang secara manual untuk urusan tempahan lot kubur dan van jenazah. Seterusnya proses bayaran ia dilaksanakan secara tunai di kaunter pengurusan tanah perkuburan. Bagi carian lot kubur pula pelanggan perlu membuat semakan hanya di kaunter pejabat atau semakan melalui panggilan telefon. Petugas pula perlu membuat semakan secara manual di buku daftar kematian bagi mendapatkan maklumat lot kubur untuk dimaklumkan kepada pelanggan. Proses ini pula mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Dengan terzahirnya idea inovasi ini ia bertepatan dengan piagam pelanggan MBSA untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tanah kubur.

Hubungan Elemen dan Rasional Projek

| Fungsi / Objektif                              | Rasional                                                                      |
|------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|
| Memberikan perkhidmatan pentadbiran yang cekap | Meningkatkan keberkesanan PBT dalam Penyampaian Perkhidmatan kepada pelanggan |

Produk ini telah direka untuk mencapai objektif berikut:-

1. Bayaran secara 'cashless'.
2. Mengurangkan penggunaan kertas / 'paperless'.
3. Penjimatan masa pelanggan / kakitangan.
4. Meningkatkan kualiti perkhidmatan.



## B. MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER)

**iPusara** bertepatan dengan piagam pelanggan MBSA, seperti dirajah (Rujuk Lampiran 5).

### 1. Pelanggan - Penduduk di Shah Alam

Projek iPusara telah berjaya memenuhi kehendak pihak berkepentingan, selaras dengan **Pelan Strategik MBSA 2020–2025**. Sebagai contoh, **Teras 3: Memantapkan Perancangan Pembangunan Untuk Mewujudkan Persekitaran Perbandaran Yang Mampan Dan Berdaya Maju** yang terkandung dalam pelan tersebut, memberi penekanan kepada isu-isu kebersihan persekitaran, alam sekitar, pelancongan dan ekonomi. Projek ini menyumbang kepada penambahbaikan tersebut dengan menyediakan sistem yang lebih teratur dan mesra alam dalam pengurusan tanah perkuburan, yang seterusnya memberi impak positif kepada kualiti persekitaran bandar.



iPusara tidak hanya fokus kepada pengurusan tanah perkuburan, tetapi juga turut mengambil kira aspek kelestarian, dengan memastikan pengurusan data tanah perkuburan dapat dilakukan secara digital dan sistematik. Ini bukan sahaja memudahkan urusan pelanggan, tetapi juga membantu mengurangkan jejak karbon dan menambahbaik pengurusan sumber daya secara lebih efisien. Inisiatif ini turut menyokong pembangunan Shah Alam sebagai sebuah bandar yang mampan dan berdaya maju.

### 2. StakeHolder - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**iPusara** dibangunkan sejajar dengan objektif Jabatan Agama Negeri Selangor (JAIS) untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan kepada pelanggan termasuklah warga

Shah Alam khususnya beragama Islam untuk memudahkan urusan pengkebumian dan hal-hal pengurusan tanah perkuburan (Rujuk Lampiran 6).



## OBJEKTIF

- Menyediakan prasarana institusi Islam dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan.



## B. MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)

### i. Faktor Politik

Projek iPusara MBSA memenuhi aspirasi dan kehendak Ahli Majlis Majlis Bandaraya Shah Alam yang menekankan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Penekanan terhadap kualiti perkhidmatan ini menjadi teras kepada pengukuhan organisasi MPP (Majlis Perwakilan Penduduk) yang berperanan sebagai penghubung antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat.



### ii. Faktor Sosial

Pemilihan projek ini dibuat berdasarkan maklum balas, pandangan dan cadangan daripada penduduk di kawasan pentadbiran MBSA. Pendekatan ini bukan sahaja menunjukkan kepekaan terhadap keperluan komuniti, malah turut menjamin kelestarian sosial melalui penyediaan perkhidmatan yang memenuhi nilai, budaya dan kehendak masyarakat setempat, khususnya berkaitan urusan pengebumian dan kebajikan waris.

### iii. Faktor Teknologi

iPusara MBSA mengaplikasikan penggunaan teknologi digital dalam pengurusan tanah perkuburan secara lebih sistematik dan mesra pengguna. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), di mana penekanan diberikan terhadap integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam penyampaian perkhidmatan awam. Inisiatif ini juga membantu menjadikan MBSA sebagai sebuah organisasi yang progresif dan berpandangan jauh dalam mendepani cabaran urbanisasi moden.



## C. KAITAN DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

**iPusara** berkait rapat dengan Agenda dan Matlamat Nasional yang mana secara tidak langsung, projek ini menyumbang kepada idea untuk melaksanakan inisiatif yang selari dengan dasar kerajaan antaranya:

**Rancangan Malaysia Ke12(RMK-12) (Rujuk Lampiran 7).**

Projek ini juga berkait rapat dengan Rancangan Malaysia ke-12 bagi:- Pemangkin Dasar 2 iaitu Mempercepat Penerimaan Teknologi dan Inovasi dan Pemangkin Dasar 4 iaitu memperkukuh penyampaian perkhidmatan sector awam dengan menekankan bidang keutamaan membangunkan perkhidmatan yang berprestasi tinggi.

**Dasar Malaysia Madani (Rujuk Lampiran 8).**

Projek ini berkait rapat dengan Malaysia MADANI yang merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. **iPusara** bertepatan dengan elemen 'DayaCipta' dalam rukun Malaysia Madani.

**Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2021 – 2025 (Rujuk Lampiran 9)**

Projek juga berhubung parat dengan PSICTSA yang dibangunkan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian sektor awam menggunakan **teknologi digital**.



## Dasar EHSAN Kerajaan Negeri Selangor (Rujuk Lampiran 10).

Projek bertepatan dengan nilai 'Empati' yang menjadi teras kepada penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan di Negeri Selangor.

## United Nations Sustainable Development Goals (Rujuk Lampiran 11).

Projek ini adalah selaras dengan aspirasi *Sustainable Development Goals* (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan dengan koleksi 17 matlamat global yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 seperti berikut:

- SDG 3:** Memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur.
- SDG 11:** Menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.



MBSA BENTANG LAPORAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI DI ABU DHABI



Tambahan itu, projek ini juga sejajar dengan seruan kerajaan Negeri Selangor dalam menjadikan MBSA sebagai perintis untuk menerima pakai kerangka kerja bandar rendah karbon dengan menawarkan inovasi dengan khidmat tanpa kertas (*paperless*). Pelancaran Sustainable Development Goals (SDG Roadmap) yang diadakan pada

12 Februari di Abu Dhabi dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor juga menekankan isu bandar raya rendah karbon (Rujuk Lampiran 12).

Kaitan dengan Agenda Negeri (Rujuk Lampiran 13).

Projek inovasi ini adalah selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor iaitu 'Smart and Caring' (SAC). Di samping itu, ia adalah sejajar dengan dasar kualiti Kerajaan Negeri untuk memperkasakan sistem penyampaian secara berterusan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan tuntutan pelanggan dan pemegang taruh.

Hadis Nabi Muhammad S.A.W. dan Al-Quran (Rujuk Lampiran 14).

IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-329 : JANGAN DILAMBATKAN TIGA PERKARA

يَا عَلِيُّ ، ثَلَاثٌ لَا تُؤَخَّرُهَا : الصَّلَاةُ إِذَا آتَتْ ، وَالْجَنَازَةُ إِذَا حَضَرَتْ وَالْأَيْمُ إِذَا وَجَدَتْ لَهَا كُفُّنًا

Maksudnya : "Wahai Ali tiga perkara jangan engkau lewatkan. Solat jika ia telah masuk. Pengurusan jenazah jika telah datang kematian dan mengahwinkan seorang anak perempuan jika jumpa yang sekufu."

Riwayat al-Tirmizi (171)

## D. KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

### Kenyataan Menteri Besar Selangor

Pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 yang diadakan di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, bersama penjawat awam Negeri Selangor, telah menekankan kepentingan untuk mengamalkan sikap bersungguh-sungguh, teliti dan cepat dalam membuat keputusan serta menyelesaikan aduan rakyat. Sebagai respons terhadap seruan ini, projek iPusara diperkenalkan bagi membantu meningkatkan tahap kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan warga Shah Alam. Dengan penggunaan teknologi dan sistem yang lebih efisien, iPusara dijangka mempercepatkan proses pengurusan tanah perkuburan dan memudahkan urusan waris si mati, sekaligus memenuhi kehendak dan harapan masyarakat.

### Kerjasama dengan agensi lain

Bagi memperluaskan penggunaan iPusara, beberapa usaha kerjasama telah dijalinan dengan pihak berkepentingan termasuk Jabatan Agama Islam Selangor, Hospital Shah Alam, serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Selangor. Kerjasama ini adalah penting untuk memastikan sistem iPusara diterima pakai secara meluas dan digunakan secara efisien.

#### Jabatan Agama Islam Selangor (Rujuk Lampiran 15)

Kerjasama dengan JAIS bertujuan untuk hebahan penyeragaman sistem iPusara di seluruh masjid dan surau di Shah Alam. JAIS juga berperanan dalam memastikan pematuhan syariah dalam pengurusan tanah perkuburan serta memberikan khidmat nasihat kepada MBSA mengenai pelaksanaan pengurusan tanah perkuburan.

#### Hospital Shah Alam

Pihak hospital berperanan penting dalam membantu waris si mati dengan memberi hebahan mengenai tindakan yang perlu diambil untuk urusan pengebumian, termasuk prosedur yang perlu diikuti di kawasan tanah perkuburan yang berada di bawah seliaan MBSA.

#### Jabatan Kebajikan Masyarakat & Lembaga Zakat Selangor

Seiring dengan pengurusan tanah perkuburan, iPusara turut melibatkan aspek bantuan kewangan untuk waris yang tidak mampu. Sekiranya berlaku kematian yang tidak dikenali waris atau waris yang tidak mampu, tanggungjawab untuk pengurusan kewangan akan diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Lembaga Zakat Selangor bagi membantu menyelesaikan urusan pembayaran.

#### PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS (BAGI TUJUAN PENYELESAIAN)

Kumpulan telah berbincang bagi menenalpasti masalah yang perlu diberi fokus. Sehubungan itu, tiga (3) alat kawalan kualiti telah digunakan. Kumpulan telah menjalankan analisis menggunakan kaedah seperti di bawah.

Brainstorming

SMART

Undian Ahli

Kumpulan telah mengadakan sesi *brainstorming* dan menyenaraikan 8 masalah utama (Rujuk Lampiran 16). Seterusnya kumpulan menggunakan kaedah Analisis SMART untuk menyenarai pendek 4 masalah utama yang perlu difokuskan oleh kumpulan (Rujuk Lampiran 17). Kemudian kumpulan telah melaksanakan kaedah Undian Ahli bagi memilih masalah utama sebagai tajuk projek. Masalah **Proses Pengebumian Mengambil Masa Yang Lama** mendapat sokongan semua ahli untuk dijadikan fokus projek (Rujuk Lampiran 18).

Pemilihan tajuk projek utama ini juga disokong melalui laporan permohonan lot tanah perkuburan bagi tahun 2021 dan 2022 (Rujuk Lampiran 19). Bilangan kematian yang tinggi saban tahun ini menggambarkan isu yang dihadapi oleh pelanggan. Kumpulan memilih tajuk ini kerana kesukaran ini turut memberi kesan negatif kepada imej Majlis. Kesan sampingan lain, kakitangan terlibat pula berdepan dengan tekanan atau 'stress' kerja yang seterusnya memberi kesan kepada penurunan produktiviti kerja yang dihasilkan. Keadaan ini akan menggugat kelancaran proses penambahbaikan infrastruktur di Shah Alam.

#### PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

##### i. Penjimatan Sumber Tenaga Manusia

Penjimatan tenaga manusia yang terlibat dalam proses carian lot kubur dari **4 orang** kepada hanya seorang sahaja bagi tujuan memproses permohonan pengebumian, proses bayaran, dan carian maklumat lot kubur. Melalui pembangunan sistem ini hanya **1 orang** kakitangan diperlukan untuk menguruskan tugas-tugas berkenaan.

##### ii. Memudahkan proses kerja

Proses **kerja manual** kini perlu diubah kepada penggunaan **sistem**. Tujuannya adalah bagi mempermudah kakitangan memproses permohonan pengebumian, bayaran seterusnya



membuat carian lot kubur secara lebih cepat, cekap, telus dan efisien. Kakitangan tidak perlu lagi membuat carian menggunakan buku daftar kematian.

### iii. Meningkatkan kepuasan hati pelanggan

Meningkatkan **Kepuasan Hati Pelanggan sebanyak 80%** dengan menyelesaikan isu kesukaran untuk memproses permohonan pengkebumian, bayaran dan carian lot kubur. Kumpulan juga mangambilkira pendapat dan cadangan pemohon yang mempunyai masalah kewangan untuk membayar kos pengkebumian jenazah.

### iv Penjimatan Kos Operasi

Usaha untuk menggunakan **kepakaran dalaman** bagi pembangunan sistem dengan jalinan kerjasama Jabatan ICT, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Badan Dakwah. Sistem yang akan mempermudah pemohon dan kakitangan untuk memproses urusan pengkebumian hinggalah kepada carian lot kubur oleh pihak waris.

### v Penjimatan Masa

Penggunaan sistem iPusara ini telah menjimatkan masa pelanggan dan kakitangan. Pelanggan kini tidak perlu bersusahpayah untuk menyediakan wang tunai bagi tujuan bayaran pengkebumian. Kini pelanggan boleh membuat bayaran secara atas talian atau secara atas talian. Tempoh masa carian boleh disingkatkan dari **3 hari kepada 'real-time'**.

Kini masa juga dapat dijimatkan kerana pelanggan boleh menyemak lot kubur pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Berbanding sebelum ini pelanggan perlu mengambil masa menelefon atau hadir ke kaunter untuk tujuan semakan. Malah mereka perlu menunggu maklumbalas dari petugas untuk mengetahui maklumat lot kubur. Carian boleh dibuat secara **'real-time'**.

### vi Kepuasan hati meningkat (pelanggan)

Dengan adanya inovasi ini pelanggan kini lebih berpuashati terhadap penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak Majlis. Malah pelanggan kini lebih mudah membuat carian lot dan membuat bayaran tanpa perlu berdepan dengan karenah birokrasi yang rumit.

### vii Kepuasan hati meningkat (kakitangan)

Kepada kakitangan dalaman pula perubahan proses kerja manual kepada sistem ini telah banyak memudahkan tugas harian mereka. Rekod yang lebih kemas dan tersusun kerana segala data tersimpan secara sistem. Petugas boleh mengetahui inventori plot kubur yang sedia ada, kekosongan dan lot yang telag digunakan secara langsung.

### viii Tadbirurus Yang Lebih Cekap

Dengan adanya data lengkap dan tersusun ini maka unit pengurusan tanah perkuburan ini boleh menyusun atur lot-lot kubur secara tersusun. Fokus juga diberikan kepada aspek pengindahan tanah perkuburan sama ada dari aspek lanskap, pencahayaan, laluan dan lain-lain kemudahan berkaitan. Keadaan ini akan menjadikan tanah perkuburan ini dilihat lebih ceria, selamat dan seronok untuk dikunjungi oleh pelanggan. Ia bagi menghilangkan sentiment ketakutan untuk datang menziarahi tanah perkuburan.

## BAHAGIAN 3: TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN

### A. CADANGAN PENYELESAIAN

Kumpulan telah menggunakan kaedah Design Thinking dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak berkepentingan. Kaedah ini melibatkan lima proses utama iaitu Empathy, Define, Ideate, Prototype, dan Test, yang diterapkan secara sistematik dalam pembangunan projek iPusara.

## Empathy

Dalam fasa Empathy, kaedah 5W+2H digunakan untuk mengenal pasti isu-isu utama dan kumpulan sasaran yang terlibat dalam pengurusan tanah perkuburan. Proses ini bertujuan untuk memahami masalah secara mendalam, dan berikut adalah hasil daripada aplikasi kaedah tersebut:

| Terma    | Definisi                                                                                                                                                                                          |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| What     | Kesukaran untuk mendapatkan maklumat lot kubur melalui Unit Pengurusan Tanah Perkuburan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).                                                   |
| Where    | Semua lot kubur yang diuruskan oleh MBSA di Shah Alam.                                                                                                                                            |
| Who      | Pentadbir kubur dan ahli Kumpulan Jasmine.                                                                                                                                                        |
| When     | Semasa pengurusan pengebumian.                                                                                                                                                                    |
| Why      | Waris simati menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat lot kubur yang betul dan tepat. Oleh itu, MBSA melalui Unit Pengurusan Tanah Perkuburan perlu menyediakan sistem yang lebih efisien. |
| How      | Kekurangan sistem yang efisien dan akses mudah kepada maklumat berkaitan tanah perkuburan.                                                                                                        |
| How Many | Tiga lokasi tanah perkuburan yang melibatkan Islam, India, dan Kristian di Shah Alam, iaitu di Seksyen 21, 31, dan U16.                                                                           |

Berdasarkan pemahaman ini, kumpulan mencadangkan pembangunan satu sistem KAS (Kompleks Aplikasi Sistem) yang lengkap bagi memudahkan pemohon dalam membuat permohonan pengebumian, pembayaran, dan carian maklumat lot kubur secara online. Sistem ini dikenali sebagai iPusara, yang akan memberikan kemudahan kepada waris untuk mengakses maklumat tanah perkuburan dengan lebih cepat dan efisien tanpa perlu berurusan secara manual.

## TAKRIF (Define)

Kumpulan JASMINE telah menemubual beberapa orang responden / pengguna serta menyelami perasaan pengguna yang dikenalpasti selaku kumpulan sasaran bagi projek ini.

| Pengguna                                      | Maklumat Menarik (ketegangan, percanggahan/kejutan)                                                                                                                                               | Penemuan (Emosi dan Pengalaman)                                                                                                       | Aspirasi kumpulan dan bukan solusi                                                                                    |
|-----------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Mohd Ridzuan bin Mohd Pembantu awam, Gred H11 | Encik Mohd Ridzuan, 44 tahun telah berkhidmat selama 8 tahun di pejabat pengurusan tanah kubur seringkali menghadapi masalah membuat carian lot kubur secara manual melalui buku daftar kematian. | Encik Mohd Ridzuan merasa tertekan kerana kesurukan membuat carian melalui buku log disamping perlu mengambil masa lama untuk carian. | Kami berhasrat untuk membantu Encik Mohd Ridzuan mengatasi masalah membuat carian lot kubur mengambil masa yang lama. |
| Zakaria bin Harun Pembantu tadbir, N19        | Encik Zakaria, 36 tahun, telah berkhidmat selama 6 tahun sebagai seringkali menghadapi masalah untuk merekod                                                                                      | Encik Zakaria merasa stress dengan tugas ini.                                                                                         | Kami berhasrat untuk membantu Encik Zakaria bagi mengatasi masalah untuk                                              |

|                      |                                                                                                                                                                                                                                          |                                        |                                                                                                        |
|----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                      | daftar kematian kerana di daftar secara manual, tulisan juga berbeza-beza berdasarkan kepada individu yang menulis di buku hinggalah ada yang mudah dibaca, malah ada yang sebaliknya. Malahan tugas ini turut mengambil masa yang lama. |                                        | merekod daftar kematian dalam buku log dan mempermudah urusan untuk memproses permohonan pengkebumian. |
| Malik (waris simati) | Kesukaran untuk membuat tempahan lot kubur dan van jenazah disebabkan perlu membuat panggilan.                                                                                                                                           | Stress kerana panggilan tidak dijawab. | Membangunkan sistem tempahan, bayaran dan carian lot secara atas talian.                               |

### Penjanaan Idea (*Ideate*)

Berdasarkan kaedah ketiga dalam *Design Thinking* iaitu Idea, kumpulan telah menggunakan kaedah *brainstorming* sebagai mekanisme penjanaan idea. Sesi *brainstorming* telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk penyelia, penggali kubur, pemandu van jenazah, dan kerani pentadbiran. Pelbagai cadangan telah diketengahkan dan akhirnya kumpulan bersetuju untuk membangunkan Sistem *iPusara* – satu sistem digital yang memudahkan pengurusan data pengebumian, rekod jenazah, penjadualan van jenazah dan penyelarasan kerja-kerja berkaitan. Carta pembangunan sistem juga telah dibentuk bagi menggambarkan projek sistem *iPusara* (Rujuk Lampiran 20).


Proses rekabentuk rangka kerja pembangunan sistem dihasilkan oleh En. Ts Khairullizam bin Laili, Ketua Seksyen Kajian, Pembangunan Sistem dan Multimedia tanpa melibatkan sebarang kos. Maka terhasillah satu produk sistem yang dikenali sebagai *iPusara*. Pembangunan sistem ini akan menggunakan teknologi web-based yang menggunakan format **PANGKALAN DATA SYBASE** dan **PENGATURCARAAN PHP** bagi membolehkan sistem ini diakses dari mana-mana peranti yang mempunyai capaian internet (Rujuk Lampiran 21).



Kos penghasilan projek adalah sebagaimana berikut:

| Item                                               | Harga            |
|----------------------------------------------------|------------------|
| <b><i>iPusara</i></b><br>(sistem carian lot kubur) | Tanpa Kos        |
| <b>e-Kebumi</b><br>(sistem daftar & bayaran)       | Tanpa Kos        |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                          | <b>Tanpa Kos</b> |

Penghasilan idea inovasi ini akan dilaksanakan oleh kepakaran dalaman dibawah tanggungjawab dan seliaan Seksyen Kajian, Pembangunan Sistem dan Multimedia, Jabatan ICT MBSA. Sistem telah dibangunkan dan User Acceptance Testing (UAT) yang dijalankan juga berjaya dan kini sistem ini telah dikormesialkan untuk kegunaan pelanggan.



## PROTOTAIP (PROTOTYPE) (Rujuk Lampiran 22).

Kumpulan JASMINE telah merangka prototype untuk pembangunan sistem **iPusara** ini dengan merangka beberapa elemen yang perlu ada di dalam penghasilan sistem. Metodologi ini digunakan bagi mengenalpasti keperluan sistem. Terdapat 3 fasa penting dalam metodologi *Prototype* iaitu fasa keperluan pengguna, fasa pembangunan dan fasa pengujian. Proses ini diulang sehinggalah sistem lengkap dibangunkan. Metodologi ini mengaplikasikan proses perubahan lelaran (*iterative modification process*) sehingga sistem prototaip berkembang dan memenuhi kehendak pengguna.

| FASA KEPERLUAN PENGGUNA                                                   | FASA PEMBANGUNAN                                                                                      | FASA PENGUJIAN                                                                                                                                                                               |
|---------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Memudahkan proses permohonan pengkebumian & tempahan van jenazah (manual) | Sistem permohonan melalui <i>online</i>                                                               | Penghasilan sistem <b>iPusara</b> yang lengkap untuk:-<br>i. Permohonan<br>ii. Bayaran<br>iii. Carian<br> |
| Memudahkan proses bayaran (bayaran tunai sahaja)                          | Bayaran <i>online</i> berintegrasi dengan sistem MBSA dengan panel bank terlibat untuk proses bayaran |                                                                                                                                                                                              |
| Memudahkan proses carian lot kubur (carian melalui buku daftar kematian)  | Memasukan maklumat lot kubur (buku daftar pengkebumian) ke dalam sistem                               |                                                                                                                                                                                              |

## UJIAN (TEST)

Bagi memantapkan pengasilan produk inovasi ini maka kumpulan telah melaksanakan User Acceptance Testing (UAT) untuk sistem **iPusara**. Dilaksanakan di makmal ICT dengan keterlibatan pengguna dari pegawai dan kakitangan seksyen pengurusan tanah perkuburan bagi memastikan sistem yang akan digunakan ini berjaya.



## D. PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH (Rujuk Lampiran 23).

Pelaksanaan projek **iPusara** ini telah mendapat persetujuan daripada pihak pengurusan MBSA dalam pelaksanaannya seterusnya pemakluman berkaitan penggunaan sistem ini dihebahkan kepada pihak Jabatan Agama Islam (JAIS) untuk makluman dan tindakan lanjut. Kumpulan turut mendapat sijil penghargaan dari Ybhg. Datuk Bandar atas kejayaan pelaksanaan sistem **iPusara**. Sehubungan itu, kumpulan juga telah mengantar permohonan untuk mempatenkan produk ini ke myIPO.

## PELAKSANAAN INOVASI

Bagi memperkukuhkan pelaksanaan inovasi Sistem iPusara, pihak jabatan telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Kod QR sistem iPusara bagi memudahkan pelanggan dan orang awam membuat urusan berkaitan pengkebumian serta pembayaran secara lebih pantas dan mesra pengguna.

Kod QR ini dipaparkan di:

- Kaunter Pejabat Pengurusan Tanah Perkuburan
- Lokasi-lokasi strategik di kawasan tanah perkuburan
- Ruang awam yang mudah dicapai oleh waris dan orang ramai



Melalui imbasan kod QR ini, pengguna dapat:

- Mengakses maklumat berkaitan status pengebumian
- Memohon penggunaan van jenazah
- Membuat pembayaran secara atas talian
- Menyemak rekod dan maklumat waris



Pada masa yang sama, hebahan awam mengenai penggunaan sistem iPusara turut giat dilaksanakan melalui pelbagai saluran rasmi Majlis seperti:

- Laman sesawang rasmi Majlis
- Paparan di skrin TV dalam lif Wisma MBSA
- Platform hebahan digital seperti: Facebook, Instagram, YouTube, Twitter, papan iklan digital dan lain-lain.

Langkah ini diambil bagi memastikan sistem yang dibangunkan mendapat perhatian dan penggunaan optimum dalam kalangan masyarakat, selari dengan matlamat mempercepat serta mempermudah urusan pengebumian dengan lebih sistematik dan berintegriti.


#### BAHAGIAN 4: KEBERHASILAN PROJEK

#### OUTCOME PROJEK (DIJANGKA) DAN PEMBUKTIAN

##### A. KESAN JANGKA PENDEK

##### 1. Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Pelaksanaan inovasi *iPusara* telah memberi kesan positif terhadap sistem penyampaian perkhidmatan Majlis. Inovasi ini juga berupaya meningkatkan tahap produktiviti kakitangan dan melahirkan pekerja yang lebih kompeten serta bersedia menghadapi cabaran kerja secara digital.



##### 2. Mengurangkan Proses Operasi

Sebelum pelaksanaan *iPusara*, urusan berkaitan pengebumian dijalankan secara manual yang memerlukan masa, tenaga, dan sumber manusia yang banyak. Inovasi ini telah berjaya mengurangkan beban operasi tersebut dengan memperkemas keseluruhan proses daripada permohonan, semakan, penggunaan van jenazah, hingga kepada pembayaran dan rekod pengebumian. Kakitangan kini dapat melaksanakan tugas dengan lebih cepat, tepat dan terurus, sekaligus mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja sedia ada. Sistem ini menjadikan operasi lebih efisien, mengurangkan kesilapan, dan mempercepat maklum balas kepada pelanggan.

##### 3. Mengurangkan risiko tekanan kerja

Tekanan kerja di kalangan kakitangan juga berkurang kerana pengguna sendiri boleh mengakses carian maklumat lot kubur tanpa perlu bergantung kepada bantuan kakitangan pengurusan tanah perkuburan. Perkerja kini menjadi lebih tenang, rasa gembira dan seronok bekerja walau tugas di sini perlu bersiap sedia setiap masa (24 jam sehari) bagi memastikan segala urusan pengkebumian dapat diselesaikan dalam tempoh 3 jam dari terima permohonan sepertimana yang telah ditetapkan di dalam piagam pelanggan Majlis (**Rujuk Lampiran 24**).

##### B. NILAI TAMBAH@VALUE ADDED

*iPusara* telah berjaya membantu memberi nilai tambah kepada organisasi dalam beberapa aspek seperti:-

##### i Pelaksanaan *paperless*

- Manual kepada sistem,
- Dokumen fizikal kepada sistem
- Proses semakan manual kepada online

##### ii Penjimatan ruang (**Rujuk Lampiran 25**).

- Penjimatan ruang penyimpanan dokumen fizikal pemohon
- Dokumen disimpan dalam *storage* sistem
- Penjimatan : RM 39,135.00 setahun



iii Peningkatan produktiviti

- Memberi nilai tambah kepada Negeri dan Negara melalui penjanaaan idea kreatif
- Membantu menjana ekonomi pihak berkepentingan (untuk pembuat kepok pusara)
- Menjadikan MBSA setaraf dengan PBT lain di Malaysia dalam aspek pengurusan tanah perkuburkan.

### C. PEMBUKTIAN MELALUI DATA DAN SUMBER RASMI

Perkiraan *outcome* dibuktikan melalui analisis data yang dirumuskan seperti dibawah:-

Penjimatan Sumber Tenaga Manusia

| Jenis Penjimatan | Sebelum Inovasi | Selepas Inovasi | Peratus (%) / penjimatan |
|------------------|-----------------|-----------------|--------------------------|
| Tenaga Kerja     | 4 org           | 1 org           | 75.00%                   |

Penjimatan Masa

| Jenis Penjimatan                | Sebelum | Selepas     | penjimatan |
|---------------------------------|---------|-------------|------------|
| Proses pengkebumian dan bayaran | 2 hari  | Serta merta | 100%       |

Penjimatan kos gunatenaga pekerja

| Jenis Penjimatan                           | Sebelum Inovasi                                                                                                                                                             | Selepas Inovasi                                                                                       | Nilai Penjimatan    |
|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
|                                            | Tahun 2022                                                                                                                                                                  | Tahun 2023                                                                                            |                     |
| Penjimatan Kos Pekerja Pembantu Tadbir N19 | Gaji Gred N19<br>= RM 2,400.00 sebulan<br><br>Bilangan kakitangan 4 orang<br>= RM 2,400.00 sebulan x 4 orang<br>= RM 9,600.00 (sebulan)<br>= <b>RM 115,200.00 (setahun)</b> | Seorang kakitangan N19<br><br>RM 2,400.00/ bln<br>X 12 bulan<br>= RM 28,800.00<br><b>RM 28,800.00</b> | <b>RM 86,400.00</b> |

Jumlah penjimatan 2 tahun **RM 86,400 (2023) + RM 86,400 (2024) = RM 172,800**

#### 4. Penjimatan Kos Percetakan & Borang Manual

Sebelum pelaksanaan sistem iPusara, permohonan dibuat secara manual dengan borang bercetak.

Selepas inovasi, kesemua proses telah didigitalkan.

| Tahun | Jumlah pengkebumian | Bil. Borang Manual 3 keping / kematian | Kos Percetakan Setahun (RM1.50 / borang) | Kos Selepas Inovasi | Penjimatan  |
|-------|---------------------|----------------------------------------|------------------------------------------|---------------------|-------------|
| 2021  | 1,946               | 5,838 keping                           | RM8,757.00                               | 0                   | RM 8,757.00 |
| 2022  | 1,084               | 3,252 keping                           | RM4,878.00                               | 0                   | RM 4,878.00 |

Jumlah Penjimatan Percetakan 2 Tahun: **RM 13,635.00**

Penjimatan keseluruhan : Kos gaji (RM 172,800.00) + kos percetakan (RM13,635.00)  
: **RM 186,435.00**

#### 4.2 IMPAK PROJEK (LUAR JANGKA) DAN PEMBUKTIAN

- Imej dan Hubungan Baik antara MBSA dan Warga Shah Alam

Sistem permohonan pengkebumian secara atas talian yang diperkenalkan melalui iPusara berjaya menyelesaikan masalah birokrasi manual yang selama ini membebaskan waris, terutama dalam

saat-saat kecemasan dan kesedihan. Melalui pendekatan digital ini, MBSA dilihat lebih mesra rakyat, cekap dan peka terhadap keperluan sebenar masyarakat, sekali gus memperkukuhkan kepercayaan dan hubungan baik antara MBSA dan warga Shah Alam. Bukti sokongan:

- Paparan tangkapan skrin sistem iPusara (modul permohonan atas talian)
- Testimoni waris atau pengguna perkhidmatan (**Rujuk Lampiran 26**).
- Statistik jumlah permohonan yang telah berjaya diproses melalui sistem dalam tempoh tertentu

#### b. Pemupukan Budaya Cashless

iPusara juga menyumbang ke arah pemerkasaan budaya cashless dalam kalangan masyarakat setempat. Sistem ini membolehkan pengguna melakukan pembayaran yuran atau caj perkhidmatan secara dalam talian, tanpa perlu hadir secara fizikal ke kaunter. Kemudahan ini sangat bertepatan dengan gaya hidup moden dan norma baharu pasca pandemik.

Bukti sokongan:


- Resit bayaran automatik dari sistem (versi digital)
- Carta aliran kutipan bayaran sebelum dan selepas pelaksanaan sistem online (**Rujuk Lampiran 27**).
- Kenyataan kakitangan / petugas kaunter berkaitan perubahan aliran kerja dan kesan positif



#### c. Peningkatan Mutu Perkhidmatan MBSA


Pelaksanaan iPusara telah menambah baik mutu perkhidmatan MBSA secara keseluruhan. Proses yang sebelum ini memerlukan kehadiran fizikal, borang manual dan kelulusan berperingkat kini telah dipendekkan melalui digitalisasi proses yang lebih cekap dan sistematik. Ini memberi impak kepada peningkatan kepuasan pelanggan dan kecekapan pentadbiran MBSA sendiri. Bukti sokongan:

- Perbandingan proses kerja sebelum dan selepas pelaksanaan iPusara
- Laporan masa pemprosesan permohonan (sebelum dan selepas)



### A. KESAN JANGKA PANJANG - KESAN KEPADA KEMAJUAN NEGARA

#### 1. Pembangunan persekitaran mampan dan kondusif (**Rujuk Lampiran 28**).




Mewujudkan persekitaran yang mampan dan kondusif di bandaraya Shah Alam bukan hanya kepada aspek pembangunan kawasan perumahan dan kormesial tetapi termasuklah kawasan tanah perkuburan. Menjadikan tanah perkuburan mempunyai lanskap yang tersusun, indah dan menarik. Menjadikan kubur sebagai satu kawasan taman yang indah untuk dilawati dan dikunjungi. Mengubah stigma ketakutan untuk menziarah kubur kepada rasa tenang dan seronok untuk berziarah. Penghasilan projek inovasi sejajar dengan Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam, PLAN Malaysia.

## 2. Peningkatan Industri hiliran (Rujuk Lampiran 29).

Dalam usaha memenuhi tuntutan pengindahan dan peningkatan kemudahan kepada pengguna maka ia memberi ruang dan peluang kepada pihak syarikat melaksanakan proses penambahbaikan tanah perkuburan seperti berikut:-

- Penyediaan pondok wakaf
- Kemudahan jalanraya yang membolehkan kemudahsampaian
- Penyediaan tandas awam & penyediaan kawasan parkir kenderaan



Keadaan ini akan membuka peluang pekerjaan dan penjana ekonomi setempat kepada warga Shah Alam untuk turut sama menyumbang bakti ke arah pembangunan ekonomi negeri dan negara. Kesan sampingan lain adalah seperti berikut:-

1. **Melahirkan Masyarakat celik IT** selaras dengan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) (Rujuk Lampiran 30) .
2. **Kaitan dengan agenda dan matlamat nasional** memenuhi dasar negara menjelang 2030 untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama. (Rujuk Lampiran 31)
3. **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (2021-2025)- Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) :** Teras 2 Peneraju Perkhidmatan Digital Inklusif dan Bersepadu dan 7 Teras Adaptasi Kemunculan Teknologi Baharu Yang Relevan (Rujuk Lampiran 32)
4. **Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara** hala tuju ke arah sebuah negara maju sains untuk transformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif. (Rujuk Lampiran 33)
5. Projek ini selaras dengan Strategi Teras 1 Dalam **Rancangan Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) 2022-2030** yang menyasarkan organisasi berdaya maju, responsive dan adaptif dengan usaha memastikan MBSA sentiasa peka dengan keperluan situasi semasa dan bersedia untuk lebih adaptif termasuklah melaksanakan semakan dan pindaan ke garis panduan sedia ada.

## B. IMPAK PROJEK (HASIL LUAR JANGKA)

### 1. Mendokong Aspirasi Negara

Projek inovatif iPusara secara langsung menyumbang kepada pencapaian matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), khususnya di bawah Teras Strategik 5, iaitu untuk menggalakkan dan memupuk budaya sains, teknologi serta inovasi dalam sektor awam. Inisiatif ini mencerminkan usaha proaktif MBSA dalam memperkasa transformasi digital melalui pendekatan inovatif yang memberi impak tinggi kepada masyarakat dan organisasi.



### 2. Mewujudkan Persekitaran Bersih dan Selesa kepada Masyarakat

iPusara turut menyokong pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara (DKN), khususnya di bawah Strategi 2.2.5, Kluster 2: Kelestarian Alam Sekitar, yang menekankan pemeliharaan kawasan persekitaran di kediaman, kawasan perindustrian, komersial, institusi dan awam supaya kekal bersih, terurus dan indah. Inovasi ini menyumbang secara tidak langsung kepada penjagaan alam sekitar melalui pengurangan penggunaan kertas dan pemprosesan digital yang lebih lestari.

### 3. Peningkatan Kepuasan Pelanggan dan Pemegang Taruh (Stakeholders)

Projek ini telah membuktikan keupayaan untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Berdasarkan kajian soal selidik yang dijalankan oleh Kumpulan JASMINE, sebanyak 92.9% responden menyatakan kepuasan mereka terhadap pelaksanaan sistem iPusara. Data ini menjadi indikator yang jelas bahawa inisiatif ini diterima baik dan memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

## **BAHAGIAN 5: POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI**

### **A. Tahap Ketersediaan Teknologi/Sistem/Proses (Rujuk Lampiran 34)**

Sistem iPusara telah membuktikan keberkesannya apabila menjadi rujukan kepada beberapa pihak berkuasa tempatan dan agensi lain yang berminat untuk mereplikasi sistem ini. Antara agensi yang telah hadir untuk lawatan penandaarasan ke MBSA termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Sepang (MPSP) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

### **B. Tahap Replikasi atau Pengkomersialan (ROI) – Penyeragaman**

Sistem iPusara kini telah berjaya diseragamkan ke seluruh kawasan pentadbiran MBSA dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor, menjadikan pelaksanaannya lebih menyeluruh dan sistematik.

Bagi tujuan perlindungan harta intelek dan pemerkasaan hak cipta, kumpulan inovasi telah menghantar permohonan rasmi kepada Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam MBSA untuk diuruskan oleh pihak Adastra IP Sdn. Bhd. Sebagai pengiktirafan terhadap keberkesanan dan potensi besar sistem ini, iPusara telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi bertaraf negeri dan kebangsaan, antaranya:

- Anugerah Inovasi Selangor (AINS) 2024
- Anugerah Inovasi iCompEx Kebangsaan 2024
- Pertandingan Inovasi & Kreativiti@PMJB (Pnicc'24) Peringkat Kebangsaan 2024

Untuk memastikan kesinambungan dan kejayaan jangka panjang inovasi IPUSARA, beberapa langkah dan strategi perlu dilaksanakan. Berikut adalah pelan tindakan untuk masa depan KIK iPusara yang boleh membantu dalam memastikan projek ini terus berkembang dan memberi impak positif yang berterusan.

#### **1. Pengembangan dan Penambahbaikan Teknologi**

- **Integrasi Teknologi Baru:** Menilai dan mengintegrasikan teknologi terkini yang boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan iPusara. Ini termasuk penggunaan kecerdasan buatan (AI), analitik data, dan Internet of Things (IOT) untuk memantau dan meningkatkan sistem.
- **Peningkatan Sistem Keselamatan:** Memastikan sistem iPusara lebih selamat dan boleh diakses dengan mudah oleh pihak yang berkenaan, seperti pengguna dan pihak berkuasa tempatan.
- **Penyelenggaraan Berkala:** Menetapkan pelan penyelenggaraan sistem secara berkala untuk mengelakkan kerosakan teknikal yang boleh mengganggu operasi.

#### **2. Peningkatan Latihan dan Pembangunan Kapasiti**

- **Latihan Berkala untuk Pengguna dan Kakitangan:** Mengadakan sesi latihan dan bengkel bagi memastikan semua pengguna dan kakitangan MBSA dapat menggunakan iPusara dengan cekap dan berkesan.
- **Program Pembangunan Kapasiti untuk Kumpulan KIK:** Mengadakan program latihan untuk meningkatkan kecekapan Kumpulan KIK Jasmine dalam bidang inovasi, pengurusan projek, dan penyelesaian masalah. Ini akan memastikan mereka terus menghasilkan idea-idea baru yang inovatif.

#### **3. Penyebaran dan Replikasi Inovasi**

- **Penyebaran dalam MBSA dan Pihak Berkuasa Tempatan Lain:** Melaksanakan strategi penyebaran untuk memperkenalkan iPusara kepada agensi kerajaan lain dan pihak berkuasa tempatan di seluruh negeri atau negara. Ini dapat membantu dalam mereplikasi kejayaan iPusara di kawasan lain.

- **Pembentangan dan Kolaborasi Antarabangsa:** Mengambil bahagian dalam konferens dan pameran inovasi untuk mempromosikan iPusara dan mendapatkan peluang untuk berkolaborasi dengan pihak luar yang berminat untuk menerapkan sistem ini dalam organisasi mereka.

#### 4. Peningkatan Impak Sosial dan Komuniti

- **Penambahbaikan dalam Perkhidmatan Komuniti:** Terus menilai dan menambahbaik impak iPusara kepada masyarakat setempat. Program penambahbaikan boleh merangkumi peningkatan dalam penyampaian perkhidmatan atau pengurangan masalah yang dihadapi oleh komuniti.
- **Program Kesedaran dan Pendidikan:** Mengadakan program kesedaran dan pendidikan mengenai manfaat dan penggunaan iPusara dalam kalangan rakyat untuk meningkatkan pemahaman dan penglibatan mereka dalam inisiatif ini.

#### 5. Sumber Kewangan dan Pembiayaan

- **Mencari Sumber Pembiayaan Lanjutan:** Menyusun pelan untuk mendapatkan sumber pembiayaan tambahan daripada kerajaan, sektor swasta, atau dana penyelidikan untuk pengembangan dan penambahbaikan iPusara.
- **Sokongan dan Insentif kepada Pekerja:** Memberikan insentif dan penghargaan kepada anggota Kumpulan KIK Jasmine yang berjaya dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan inovasi ini.

#### 6. Pemantauan dan Penilaian Berterusan

- **Sistem Pemantauan dan Penilaian:** Membangunkan sistem untuk memantau dan menilai prestasi *IPUSARA* secara berterusan. Ini melibatkan pengumpulan data yang relevan dan analisis untuk mengenal pasti kelemahan dan ruang untuk penambahbaikan.
- **Penyelidikan dan Pengembangan:** Melaksanakan aktiviti penyelidikan untuk menilai keberkesanan iPusara dalam jangka panjang dan untuk memperkenalkan sebarang penambahbaikan yang perlu.

#### 7. Kolaborasi dan Rangkaian

- **Kerjasama dengan Universiti dan Institusi Penyelidikan:** Mewujudkan kerjasama dengan universiti atau institusi penyelidikan untuk mendapatkan sokongan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi yang berkaitan dengan iPusara.
- **Rangkaian dengan Sektor Swasta:** Menjalin hubungan dengan sektor swasta untuk mendapatkan sokongan dalam bentuk teknologi atau pengetahuan yang boleh meningkatkan kapasiti iPusara.

### PENUTUP

Sistem *iPusara* MBSA bukan sekadar inovasi digital tetapi satu transformasi menyeluruh yang mengubah cara perkhidmatan awam beroperasi. Dengan keaslian, kreativiti, serta impak tinggi terhadap pengguna dan kakitangan, sistem ini membuktikan bahawa pendigitalan bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan kemampanan serta nilai untuk wang. Dengan keunikan yang ditawarkan MBSA bersedia untuk menjadi perintis inovasi digital dalam PBT selaras dengan aspirasi Selangor sebagai negeri pintar dan bestari.

## Melur

🌐 99 bahasa ▾

Rencana [Perbincangan](#)

Baca [Sunting](#) [Sunting sumber](#) [Lihat sejarah](#) [Peralatan](#) ▾

Daripada Wikipedia, ensiklopedia bebas.

"Melati" dilencongkan ke sini. Untuk bandar di Pahang, lihat [Bandar Melati](#). Untuk bandar di Tamil Nadu, lihat [Melur, Tamil Nadu](#).

**Melur**, **malur**, **meluh**, **maluh**, **melati**, **manuru**, **bunga gambir** atau **bunga pekan** ialah sejenis tumbuhan **renak berbunga** yang **menjalar** dalam genus *Jasminum*<sup>[6]</sup> keluarga *Oleaceae*.<sup>[4][6][7]:193</sup> Genus ini mempunyai lebih 200 spesies<sup>[4][6]</sup> dan boleh didapati di kawasan-kawasan **tropika** dan **subtropika** **Eurasia**, **Afrika**, dan **Oceania**.<sup>[8]:194</sup> Tumbuhan ini hidup membesar dalam keadaan menjalar pada pokok-pokok lain atau pada sesuatu bahan yang ia boleh berpaut.

### Peristilahan [[sunting](#) | [sunting sumber](#)]

Nama *melur* (Jawi: ملور) asalnya dipakai kepada spesies *Jasminum sambac*;<sup>[9]</sup> ia masih dipakai kepada spesies ini dalam konteks umum.<sup>[10]:42[11][12][13]:121</sup> Nama *malur* digunakan di **Brunei** dan **Sumatera Utara**.<sup>[9][13]:121</sup>

Nama *manuru* (Jawi: منورو) digunakan di **Sumatera**.<sup>[13]:121</sup>

Nama *melati* (Jawi: ملاتي) pula dipinjamkan daripada **bahasa Jawa**.<sup>[9]</sup> Kata-kata seasalnya ialah *malati* dalam **bahasa Sunda** dan **bahasa Minangkabau**, serta *malete* dalam **bahasa Madura**.<sup>[13]:121</sup>

### Taksonomi [[sunting](#) | [sunting sumber](#)]

Nama genus *Jasminum* dijejak daripada perkataan **bahasa Parsi** یاسمن *yāsamin*.<sup>[14]</sup>

Spesies-spesies melur atau genus *Jasminum* di bawah tribus **Jasmineae** dalam keluarga *Oleaceae*.<sup>[8]</sup> Genus ini dibahagikan kepada lima bahagian: *Alternifolia*, *Jasminum*, *Primulina*, *Trifoliolata*, dan *Unifoliolata*.<sup>[15]</sup>

#### Melur



*Jasminum officinale*, melur biasa

#### Pengelasan saintifik

|           |                        |
|-----------|------------------------|
| Domain:   | Eukaryota              |
| Alam:     | Plantae                |
| Klad:     | Trakeofit              |
| Klad:     | Angiosperma            |
| Klad:     | Eudikot                |
| Klad:     | Asterid                |
| Order:    | Lamiales               |
| Keluarga: | Oleaceae               |
| Tribus:   | Jasmineae              |
| Genus:    | <i><b>Jasminum</b></i> |
|           | L.                     |

#### Spesies jenis

*Jasminum officinale*

#### Spesies



Sumber :  
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Melur>

**JASMINE @ MELUR**

### MATLAMAT RKPBT

Memperkasa PBT sebagai pemangkin perubahan ke arah pembangunan perbandaran yang cemerlang dan unggul selaras dengan kedudukannya sebagai Kerajaan lapisan ketiga.



### FALSAFAH RKPBT

Mewujudkan organisasi PBT yang berdaya maju dan cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan komuniti di samping mengekalkan kemampanan persekitaran.

### MATLAMAT RKPBT

Memperkasa PBT sebagai pemangkin perubahan ke arah pembangunan perbandaran yang cemerlang dan unggul selaras dengan kedudukannya sebagai Kerajaan lapisan ketiga.

### ISU DAN CABARAN PBT


Proses perbandaran yang pesat menyaksikan landskap geografi serta corak kehidupan di bandar berubah secara mendadak. Walaupun impak urbanisasi membawa kepada kemajuan sosio-ekonomi, ia turut menimbulkan pelbagai isu perbandaran seperti kesesakan, pencemaran, keselamatan dan kemusnahan alam semulajadi. Cabaran kepada pengurus bandar kini bukan sahaja bercorak fizikal malah turut menuntut tanggungjawab sosial kepada penjagaan alam sekitar dan memastikan daya huni kehidupan masyarakat turut terbela.



RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RKPBT)

17

## Kaedah penghasilan projek : DESIGN THINKING




### B. PELAN TINDAKAN PENYELESAIAN

- Sesi temubual ('empati')
  - Dilaksanakan antara kumpulan dengan kakitangan seksyen tanah perkuburan
- Takrif 'Define'
  - Kenalpasti masalah kesukaran memproses permohonan pengkebumian
  - Kesukaran membuat tempahan van jenazah
  - Kesukaran proses bayaran
- Jana idea (ideate)
  - Perubahan proses kerja kepada sistem yang lengkap dari permohonan, proses, kelulusan hingga bayaran
- Pembangunan projek
  - Pembangunan kepakaran dalaman MBSA melalui Jabatan ICT
- Prototype
- Ujian ('test')
- Relikasi & pengkormesialan

## PELAN PERANCANGAN STRATEGIK 2021 - 2025 MBSA

### Pembangunan Persekitaran Mampan Ke Arah Bandar Rendah Karbon

- memenuhi aspirasi menjadikan Shah Alam Bandaraya Rendah Karbon dan juga selari dengan halatuju pelan pembangunan Rancangan Tempatan Shah Alam 2035; Shah Alam sebagai Bandar Pintar, Berdaya Huni dan Berdaya Tahan.



#### OBJEKTIF STRATEGIK TERAS





**PIAGAM PELANGGAN MBSA**  
**SLOGAN PIAGAM PELANGGAN MBSA**  
 "MBSA Sentiasa Mengutamakan Pelanggan"  
**MOTO PIAGAM PELANGGAN**  
 "Pelanggan Gembira Organisasi Bangga"  
**MISI PIAGAM PELANGGAN**  
 "Kami Komited Untuk Penyampaian Perkhidmatan  
 Yang Cemerlang, Efektif dan Efisien"

Sebagai usaha memberi perkhidmatan yang cekap, tepat dan berkesan secara berterusan, kami warga kerja MBSA dengan penuh ilfizam memberi jaminan akan :

1. Memastikan tempoh menunggu untuk perkhidmatan di kaunter bayaran kurang dari 5 minit bagi setiap transaksi.
2. Memberi maklumbalas ke atas aduan yang telah diterima melalui Sistem Aduan SISPAAs dalam tempoh 14 hari bekerja.
3. Memastikan semua bil dan tuntutan yang lengkap dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima di Jabatan Kewangan selaras dengan AP103(a).
4. Memproses permohonan lesen perniagaan tidak berisiko dan memberi keputusan dalam tidak melebihi Tempoh Satu (1) Jam serta memproses permohonan lesen perniagaan/ industri dan memberi keputusan dalam tempoh tidak melebihi Tiga Puluh (30) Hari bekerja.
5. Menyediakan fasiliti Bandar Pintar Shah Alam dengan memastikan capaian 24 jam perkhidmatan secara digital melalui Portal myMBSA.
6. Memastikan surat makluman keputusan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat diedarkan kepada pemohon dalam tempoh 5 hari selepas mesyuarat.
7. Memastikan permohonan menggunakan Buku Pelan Setara diselesaikan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dengan syarat permohonan mematuhi syarat-syarat Majlis.
8. Memastikan perkhidmatan kutipan sisa domestik dan kutipan sisa kebun / pukal / longgok dijalankan dengan kekerapan minimum 3 kali seminggu dan maksimum setiap hari mengikut kategori jenis premis.
9. Memastikan perkhidmatan pembersihan longkang dan perparitan, pemotongan rumput dan sapuan jalan dilaksanakan dengan kekerapan minimum 2 kali sebulan.
10. Memastikan perkhidmatan pembersihan kemudahan awam (Gerai, Pasar Awam, Tandas Awam, Terminal/ Perhentian Bas, Dewan MBSA) dilaksanakan setiap hari.
11. Menguruskan pengkebumian di tanah perkuburan MBSA dalam tempoh 3 jam selepas permohonan lengkap diterima.

*Berkuatkuasa pada : 1 Januari 2024*



Sumber : <https://www.mbsa.gov.my/ms-my/Halaman/homepage.aspx>



## VISI MISI DAN OBJEKTIF

HOME / VISI MISI DAN OBJEKTIF

### VISI

MEREALISASI  
"KHAIRA AL-UMMAH"

### MISI

BERSAMA  
MENDOMINASI  
KEBENARAN DAN  
KEBAIKAN ISLAM

### MOTO

"CEKAP, CEPAT &  
BERKUALITI"

### FALSAFAH

MENCETUS DAN MEMBERI KELANGSUNGAN DALAM  
MEMAKNAKAN "MAKSUD" DAN "KEHENDAK" KEHIDUPAN  
MENGIKUT SYARIAT ADALAH SUATU UPAYA  
MENGAKTIFKAN GELOMBANG PERUBAHAN KE ARAH  
KECEMERLANGAN UMMAH

### MATLAMAT

Melahirkan Masyarakat Islam yang Berilmu Pengetahuan,  
Bertaqwa, Hormat Menghormati, Bersangka Baik, Bersatu  
Hati, Menyayangi dan Menyelamatkan melalui  
Transformasi Peranan dan Fungsi Jabatan Agama Islam  
Selangor sebagai Agensi Tunggal yang  
Bertanggungjawab Mengurus Hal Ehwal Islam di Negeri  
Selangor.

### OBJEKTIF

- Menyediakan prasarana institusi Islam dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan.
- Memberikan pendidikan agama yang kukuh kepada umat Islam di Negeri Selangor.



**Projek inovasi sejajar dengan  
Objektif Jabatan Agama Islam  
Selangor (JAIS)**

Sumber:

<https://www.jais.gov.my>



# kajian separuh penggal

# RANCANGAN

# MALAYSIA

# KESEBELAS

## 2016-2020

### keutamaan dan penekanan baharu



**Bab 11**  
**MELONJAKKAN PENDIGITALAN DAN TEKNOLOGI TERMAJU**


**Pemangkin Dasar 2**

- Bidang Keutamaan A  
**Memperhebat Ekonomi Digital**
- Bidang Keutamaan B  
**Mengurus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif**
- Bidang Keutamaan C  
**Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi**
- Bidang Keutamaan D  
**Memfaatkan Potensi Teknologi Ter maju**

**Petunjuk Prestasi Utama Terpilih**

|                                       |                                |                                           |                                         |
|---------------------------------------|--------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------------------------|
| 25.5%                                 | 10.5%                          | 2.5%                                      | 20 Teratas                              |
| Sumbangan Ekonomi Digital kepada KDNK | Sumbangan e-dagang kepada KDNK | Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK | Kedudukan dalam Global Innovation Index |

EPUMalaysia EPUMalaysia EPUMalaysia EPUMalaysia



<https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/malaysia-madani-membudayakan-daya-cipta-rakyat>

**Projek berkaitan dengan DAYACIPTA dalam rukun Malaysia Madani**



SAIS | W Melur - Wikipedia Bahasa Melayu | rangka kerja pemerataan pbt | KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN | RKPBT\_KPKT\_27122021.pdf | MyGov - The Government of Malaysia

https://www.malaysia.gov.my/portal/content/31286?language=my

English | Daftar | Log Masuk

Laman Utama | MyMalaysia | MyInisiatif | MyDestinasi | MyTawaran | **Perkhidmatan Digital**

Perkhidmatan Digital Keseluruhan Kerajaan

Laman Utama / Perkhidmatan Digital Keseluruhan Kerajaan / Tadbir Urus / Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025

**Perkhidmatan Digital Keseluruhan Kerajaan**

**Tadbir Urus**

- Kesalinghubungan
- Pelan Tindakan Online Service Index (OSI)
- Pemantauan
- ICT Sebagai Perkhidmatan
- Dasar, Standard, Pekeliling dan Garis Panduan
- Perkongsian Data
- Kamus Data

**Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025**

**PENGENALAN**

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Sektor Awam untuk tempoh lima tahun yang akan menjadi panduan kepada agensi Sektor Awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang Mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

**KEPENTINGAN PSPSA 2021-2025**

- Menyokong aspirasi Kerajaan untuk menggapai Sustainable Development Goal 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, ~~Rangka Tindakan Kemajuan Digital Bersepadu, Rangka Tindakan Digital Malaysia dan Rangka Tindakan Digital Bersepadu~~
- Menjajarkan penerimgunaan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies) seiring dengan transformasi digital Sektor Awam.
- ~~Menetapkan strategi pelaksanaan pendigitalan proses dengan agenda pendigitalan Sektor Awam~~
- Menyumbang kepada ekonomi digital menerusi adaptasi/eksplotasi kemunculan teknologi baharu (emerging technologies).

Pautan ke Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025:  
[https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/09/Final\\_Slaid-Dokumen-PSPSA-2021-2025-RE.pdf](https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2021/09/Final_Slaid-Dokumen-PSPSA-2021-2025-RE.pdf)

SITI MyGCC

Sumber :  
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/31286?language=my>

## Kaitan projek dengan nilai EMPATI Kerajaan Negeri Selangor

**NILAI-NILAI BERSAMA**

**EMPATI**  
Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi berdasarkan kajian dan pemahaman mendalam terhadap keperluan oleh stakeholders.

**SAHSAN**

W Melur - Wikipedia Bahasa Melayu X rangka kerja pemerkasaan pbt X KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN X RKPBT\_KPBT\_27122021.pdf X Portal Kerajaan Negeri Selangor X +

<https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/81>

Laman Utama

**DASAR KERAJAAN - VISI - MISI**

| DASAR KERAJAAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
